

**SOALAN NO. : 23**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2017 (RABu)**

**SOALAN:**

**Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memperbanyakkan lagi projek-projek tebatan banjir dan membaik pulih sistem saliran di kawasan yang kerap berlakunya banjir kilat apabila hujan lebat.

41

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan beberapa pendekatan dan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan, dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam usaha mengatasi masalah banjir kilat di kawasan perbandaran. Kerajaan Persekutuan telah menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) untuk bandar-bandar utama menghadapi ancaman banjir kilat. PISMA adalah satu kajian untuk menyediakan pelan induk saliran dan garis panduan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di bandar-bandar di negara ini. Penyediaan PISMA adalah selaras dengan kehendak PBT dan KPKT. Sehingga ini 17 PISMA telah disediakan dan didapati ianya telah banyak membantu menyelesaikan masalah banjir kilat. Bilangan PISMA yang baru akan bertambah mengikut perancangan dan keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.